

Empat termasuk wanita didenda kerana ceroboh rumah warga emas

MIRI: Empat individu termasuk seorang wanita didenda RM1,500 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret kerana kesalahan menceroboh masuk ke kawasan rumah milik seorang lelaki warga emas.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah keempat-empat tertuduh, Cheng Siu Kang, 23; Lo Wei Kiong, 21; Daniel Boon Wui Hiong, 28; dan Chai Xin Ping, 23, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM3,000 atau keduanya sekali.

Menurut keterangan kes, keempat-empat tertuduh telah melakukan pencerobohan jenayah dengan menceroboh masuk ke kawasan sebuah rumah kepunyaan Goh Min Shi @ Ming Shi, 61.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu secara bersama pada jam 10.08 malam, 10 Mac lalu di sebuah lot di Taman Senadin, Jalan Lutong-Kuala Baram di sini.

Setelah meneliti kesemua aspek termasuk pengakuan bersalah kesemua tertuduh yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, rayuan mereka, fakta kes, keseriusan kesalahan dan kepentingan awam, mahkamah kemudian mengenakan denda masing-masing RM1,500 ke atas setiap tertuduh.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam bela.